Negeri Perlis yang terkenal dengan keindahan sawah padi, bukit batu kapur dan kehijauan ladangnya, kini semakin menyerlah sebagai destinasi agropelancongan yang menarik di Malaysia. Seiring dengan perkembangan sektor pelancongan, pendekatan berasaskan inovasi pertanian telah mula merubah landskap ekonomi luar bandar di negeri ini.

Melalui gabungan teknologi moden, daya kreatif petani serta sokongan agensi kerajaan, agropelancongan bukan sahaja menarik pelancong, malah menjadi punca pendapatan baharu kepada masyarakat setempat. Sebelum ini, ladang-ladang dan kawasan pertanian hanya tertumpu kepada pengeluaran hasil tanaman dan ternakan. Sebagai contoh, di Perlis, suatu ketika dahulu popular sebagai pengeluar utama tanaman tebu. Ia menjadi tanaman kedua terpenting selepas padi yang menyumbang besar kepada pertumbuhan ekomoni bumi Perlis dan juga keluaran dalam negara kasar (KDNK) (Syukor, 2005). Tanaman mangga harumanis tidak kurang penting juga memainkan peranan penting kepada sektor pertanian dan ekonomi Perlis. Namun, kini banyak kawasan pertanian ini diubahsuai menjadi lokasi agropelancongan menarik.

Terdapat dua pusat agropelancongan di negeri Perlis yang menjadi antara pusat agropelancongan terbaik di peringkat kebangsaan iaitu Y.A. Harumanis Maju Enterprise dan Nipah Klasik. Kebanyakan pusat agropelancongan ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik yang menjanjikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada pengunjung yang datang. Antaranya seperti aktiviti interaktif, galeri pameran produk tempatan, kafe ladang, inap desa,

pengalaman menuai buah, memahami proses penanaman, menawarkan produk yang diusahakan oleh penduduk setempat dan menyertai aktiviti ladang. Contohnya, ladang mangga harumanis di Perlis bukan hanya menjual buah, malah menawarkan pengunjung dan pembeli lawatan ke ladang, sesi petik sendiri buah, dan bengkel membuat produk hiliran. Begitu juga Nipah Klasik yang memberi peluang kepada pengunjung untuk melawat ladang nipah. Selain itu, pengunjung juga boleh bersantai dan menikmati juadah makanan tradisional Perlis di dalam ladang nipah, sambil menikmati air nira segar. Ia menjadikan pusat ini sebagai pilihan pengunjung terutama yang tinggal di luar negeri Perlis untuk datang berkunjung pada musim cuti sekolah.

Agropelancongan Sebagai Inovasi Sektor Ekonomi Setempat

Transformasi agropelancongan ini yang dipacu oleh inovasi pertanian membolehkan penduduk luar bandar menjana pendapatan tambahan tanpa meninggalkan bidang pertanian tradisional mereka. Petani yang mengusahakan aktiviti pertanian bukan sahaja menjadi pengeluar makanan, malah turut menjadi usahawan pelancongan yang menguruskan inap desa, menyediakan pakej lawatan, makanan tradisional tempatan serta aktiviti kebudayaan.

Transformasi agropelancongan ini yang dipacu oleh inovasi pertanian membolehkan penduduk luar bandar menjana pendapatan tambahan tanpa meninggalkan bidang pertanian tradisional mereka.

Setiap aktiviti yang ditawarkan dapat meninggalkan seribu satu pengalaman berharga kepada pengunjung yang datang. Gambar dan video yang direkodkan yang merakamkan setiap aktiviti yang dilakukan, kemudiannya dikongsi di platform atas talian dan sosial media seperti Facebook, Instagram dan Tiktok. Hal ini menjadikan pusat-pusat agropelancongan ini semakin diketahui ramai dan merencanakan lagi kedatangan pelancong ke Perlis. Semakin banyak aktiviti menarik yang akan ditawarkan bagi menarik lebih ramai pengunjung. Ia secara tidak langsung membuka dan mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat dalam bidang pelancongan, katering, kraf dan perkhidmatan. Identiti desa dan warisan budaya setempat juga dapat dihidupkan semula seiring dengan inovasi pertanian yang dijalankan.

Kerjasama Strategik Dengan Pelbagai Sektor

Tidak dinafikan, kejayaan agropelancongan di Perlis turut didorong oleh kerjasama pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung antara petani, agensi pertanian dan institusi pendidikan. Program seperti Kursus Transformasi Agro Usahawan, bimbingan dari MARDI dan Jabatan Pertanian serta sokongan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam membangunkan wakaf pertanian, menjadi pemangkin kepada perubahan positif ini. Agensi-agensi ini menyokong dengan menawarkan pelbagai geran dan bantuan bagi membantu pengusaha seperti bantuan dalam bentuk insentif dan promosi, bantuan infrastruktur, latihan kemahiran, pemasaran digital dan penjenamaan. Para pengusaha seharusnya peka dengan bantuan yang ditawarkan kerana ia bukan sahaja boleh membantu dapat mengurangkan kos pengurusan dan

perkhidmatan, malah banyak faedah lain yang boleh diperolehi.

Cabaran Dan Harapan Aktiviti Agropelancongan

Walaupun potensinya besar, agropelancongan berasaskan inovasi memerlukan komitmen berterusan dalam aspek pemasaran digital, latihan berterusan dan sokongan modal. Selain itu, aspek kelestarian alam sekitar juga perlu diambil kira bagi memastikan pembangunan agropelancongan tidak menjejaskan ekosistem tempatan. Dengan pendekatan bersepadu dan berteraskan inovasi, Perlis berpotensi menjadi model negeri yang berjaya menggabungkan kemajuan pertanian dengan pelancongan lestari, seterusnya memperkasa ekonomi luar bandar dan mengekalkan keunikan warisan pertanian tempatan. Pengusaha agropelancongan juga haruslah sentiasa berdaya saing dan mencari peluang untuk terus mengkomersialkan pusat agropelancongan

sehingga ke mata dunia.

Penutup

Inovasi pertanian yang digabungkan dengan sektor pelancongan membuka lembaran baharu kepada

pertumbuhan ekonomi luar bandar di Perlis. Dengan semangat keusahawanan, kerjasama pintar, dan dorongan teknologi, agropelancongan bakal terus menjadi platform penting dalam menjulang inovasi serta memperkasa kehidupan komuniti luar bandar. Diharapkan, lebih ramai lagi pengusaha pertanian yang ada di negeri Perlis untuk terlibat secara aktif dalam agropelancongan kerana ia bukan sahaja meningkatkan ekonomi, malah membawa Perlis ke mata dunia sebagai sebuah negeri yang kaya dengan psuat agropelancongan.

Rujukan



TRANSFORMASI DIGITAL: INOVASI DALAM PELAPORAN AUDIT DI UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Wan Elina Faradilla Wan Khalid

Pusat Pengajian Kimia & Alam Sekitar, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000, Negeri Sembilan

wan_elina@uitm.edu.my

EDITOR: AMIRUL ADLI ABD AZIZ

Dalam era digital yang semakin berkembang pesat, pelbagai aspek pengurusan organisasi turut mengalami perubahan drastik termasuklah dalam bidang pelaporan audit. Jika dahulu proses audit memerlukan penggunaan dokumen bercetak yang banyak, dan pelbagai peringkat pengesahan secara fizikal, kini proses tersebut semakin dipermudah dan dipercepatkan melalui penggunaan platform digital. Transformasi digital merujuk kepada bagaimana teknologi mengubah persekitaran organisasi untuk mengubah jangkaan rakan kongsi dan pelanggan (Yunis et al. 2024). Transformasi digital dalam pelaporan audit bukan sahaja meningkatkan kualiti keseluruhan dan kecekapan operasi (Elia et al. 2024; Fang et al. 2025), malah mempermudah pengesanan maklumat dan dokumen yang diperlukan. Langkah ke arah transformasi digital secara asasnya telah mengubah landskap audit dalam dan perubahan ini menuntut peralihan daripada proses manual kepada operasi berasaskan digital. Walaupun

transformasi ini berjaya meningkatkan keupayaan audit, ianya juga membawa cabaran dalam aspek pelaksanaan yang perlu ditangani dengan teliti (Sayal et al. 2025). Artikel ini membincangkan bagaimana pelaporan audit disediakan dengan sokongan teknologi, serta implikasinya terhadap mutu tadbir urus dalam organisasi. Dalam era digital masa kini, pelbagai sektor telah mengalami perubahan ketara melalui penggunaan teknologi dan bidang audit adalah tidak terkecuali.

**Transformasi digital
merujuk kepada
bagaimana
teknologi mengubah
persekitaran
organisasi untuk
mengubah jangkaan
rakan kongsi dan
pelanggan**

Pelaporan audit yang biasanya dilakukan secara manual kini beralih kepada kaedah digital yang lebih sistematik. Inovasi ini, walaupun bermula dengan penggunaan borang dalam talian dan penukaran dokumen atas talian secara automatik, merupakan sebahagian daripada langkah ke arah transformasi digital.

Audit dan Pelaporan

Pengauditan boleh ditakrifkan sebagai suatu pemeriksaan, analisa dan nilai yang berterusan dan sistematik ke atas penyata kewangan, rekod, operasi dan pentadbiran sesuatu organisasi bagi menentukan samada prinsip-prinsip am perakaunan, polisi-polisi pengurusan, peraturan dan prosedur dipatuhi (Jabatan Audit Negara, 2022). Pelaporan audit merupakan satu komponen penting dalam proses audit, di mana semua dapatan, penemuan, dan cadangan penambahbaikan didokumentasikan secara rasmi dan disampaikan kepada pihak pengurusan. Laporan ini menjadi asas untuk tindakan susulan dan pemantauan keberkesanan kawalan

dalam sesebuah organisasi. Namun begitu, pelaporan secara manual sering mengambil masa yang lama untuk disediakan (Wan Khalid, 2023), dan berisiko tinggi terhadap kesilapan dokumentasi serta kehilangan maklumat penting. Sebelum transformasi digital dilakukan, pelaporan audit sering dilakukan menggunakan borang fizikal atau dokumen Excel yang perlu diisi secara manual. Kaedah ini memerlukan masa yang lama, berisiko tinggi untuk berlaku kesilapan pengisian, serta sukar untuk diperoleh semula. Tambahan pula, penyimpanan dokumen bercetak memakan ruang dan menyukarkan akses pantas apabila diperlukan. Proses ini bukan sahaja melambatkan pelaporan audit, malah menyukarkan usaha untuk mewujudkan kebolehsesanan yang seharusnya menjadi asas kepada sistem audit yang berkesan.

Inovasi Digital yang Diperkenalkan

Sebagai respons kepada kekangan tersebut, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTM CNS) mula memperkenalkan perubahan dalam sistem pelaporan melalui penggunaan Google Form yang membolehkan penemuan audit dikumpul secara atas talian dengan lebih mudah dan tersusun. Penemuan audit yang dimasukkan ke Google Form kemudiannya ditukar secara

automatik kepada format Word melalui platform digital tanpa perlu melakukan proses salinan secara manual (Wan Khalid et al., 2022a).

Perubahan melalui Transformasi Digital

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, ledakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan keperluan pasca pandemik COVID-19 (Omar, 2025) serta Evolusi Pendigitalan Sektor Awam (Jabatan Digital Negara, 2024), UiTM CNS telah mengambil langkah proaktif dalam mengaplikasikan teknologi digital ke dalam sistem pelaporan audit. Fokus transformasi digital ini adalah untuk memperkemas proses pelaporan audit dan seterusnya meningkatkan kecekapan dalam penghasilan laporan audit.

Perubahan ini memfokuskan kepada pelaporan audit dan statistik penemuan audit yang boleh dilihat secara nyata.

Antara inovasi yang telah diperkenalkan termasuklah:

- Sistem eLAPORAN AUDIT UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN (e-LANS): Platform yang membolehkan auditor merekod penemuan dan laporan dapat dijana secara automatik (Wan Khalid et al., 2022b).
- Dashboard Pelaporan: Memaparkan status audit dan statistik penemuan secara masa nyata (Gambar 1).

Selain itu, dokumen audit disimpan secara atas talian seperti di Google Drive dan ini membolehkan akses dan perkongsian yang lebih cepat antara ahli pasukan audit atau jabatan berkaitan.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

eLaporan Audit UiTM
Cawangan Negeri Sembilan (eLANS)

CARIAN MENGIKUT

KAMPUS

AREA

JENIS AUDIT

	KAMPUS	AREA	PAUTAN DOKUMEN
1.	Kuala Pilah	AREA 4	https://docs.google.com/document/d/1vJXz3pOnjUE6v5n8YNs9EytuRpA...
2.	Kuala Pilah	AREA 4	https://docs.google.com/document/d/1A80MISSNUFbXWYvRFKcTS_6xnI...
3.	Kuala Pilah	AREA 2	https://docs.google.com/document/d/1u-7i9Fm40ClhG3Tx-Dpz1vJn-bpr...
4.	Kuala Pilah	AREA 4	https://docs.google.com/document/d/1etxD5kyG1vN5HsWgRB4E8RMw...
5.	Kuala Pilah	AREA 3	https://docs.google.com/document/d/1ARbKGRXFaHHZsO7bMaTrSan_g...
6.	Kuala Pilah	AREA 2	https://docs.google.com/document/d/1hamR9W3XxpmQ_ON5hxgYWWE...
7.	Kuala Pilah	AREA 1	https://docs.google.com/document/d/1n_3avzxdx7FFT8xAM2Qxb_wZjBf...

Gambar 1: Paparan Dashboard Pelaporan yang memaparkan status audit dan statistik penemuan secara masa nyata (Sumber: Koleksi Peribadi).

Inisiatif transformasi digital ini bukan sahaja telah menambahbaik proses pelaporan audit di UiTM CNS dan dapat meningkatkan kepuasan pelanggan (Azizan, 2023), malah mendapat pengiktirafan apabila telah memenangi Naib Johan Kecemerlangan Operasi UiTM 2022 (Gambar 2 & Gambar 3) bagi Kategori Pentadbiran dan Kewangan serta Anugerah Emas dalam International Exhibition & Symposium on Productivity, Innovation, Knowledge & Education (i-SPIKE 2023) (Gambar 4).

Kelebihan Pelaporan Audit secara Digital

Antara impak positif daripada pelaporan audit secara digital adalah:

- Tiada lagi keperluan untuk menyerahkan borang penemuan audit secara fizikal atau menaip semula data yang telah dikumpul.
- Data yang diisi secara terus dalam sistem akan mengurangkan kesilapan atau salah input.
- Proses penyediaan laporan menjadi lebih efisien dan mengurangkan keperluan penggunaan kertas dan cetakan.
- Statistik dan maklumat audit dapat dipaparkan pada masa nyata yang seterusnya meningkatkan ketelusan.
- Laporan boleh dicapai oleh pihak berkepentingan dengan lebih mudah dan cepat.



Gambar 2: Penganugerahan Naib Johan Kecemerlangan Operasi pada Hari Inovasi dan Kualiti Peringkat UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA Shah Alam pada 20 Disember 2023 (Sumber: Koleksi Peribadi)



Gambar 3: Sijil Anugerah bagi Naib Johan Kecemerlangan Operasi pada Hari Inovasi dan Kualiti Peringkat UiTM bagi Tahun 2023 (Sumber: Koleksi Peribadi)

Cabaran Pelaksanaan dan Penyesuaian

Walaupun inovasi ini membawa banyak kelebihan, beberapa cabaran daripada segi pelaksanaannya mungkin tidak dapat dielakkan. Antaranya adalah untuk membudayakan perubahan,

terutama dalam persekitaran kerja yang telah lama bergantung kepada sistem manual. Selain itu, keperluan kos bagi penyediaan Google Drive dan juga ancaman keselamatan siber apabila sistem dilakukan secara atas talian (Omar, 2025).



Kesimpulan

Seiring dengan peranan kerajaan dalam melaksanakan transformasi digital negara, transformasi digital dalam pelaporan audit juga menjadi satu keperluan pada masa kini dalam dunia yang berasaskan teknologi dan Kecerdasan Buatan. Perubahan seperti penggunaan Google Form atau penukaran dokumen atas talian secara automatik yang mungkin kelihatan kecil, menunjukkan satu anjakan penting ke arah kecekapan dalam proses pelaporan audit. Walaupun dilakukan secara berperingkat, UiTM CNS telah meletakkan asas untuk sistem audit yang lebih mesra teknologi. Inovasi ini walaupun

kecil tetapi masih signifikan dalam meningkatkan tadbir urus dan perlu dikembangkan bagi menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang. Selain itu, pengiktirafan melalui kemenangan dalam pertandingan inovasi menjadi pemangkin kepada usaha penambahbaikan berterusan di UiTM CNS terutamanya dalam bidang audit.

Rujukan



Gambar 4: Anugerah Emas dalam *International Exhibition & Symposium on Productivity, Innovation, Knowledge & Education* (i-SPIKE 2023) (Sumber: Koleksi Peribadi)

UPCYCLING: KREATIVITI DAN INOVASI MAHASISWA MENJANA EKONOMI LESTARI

Siti Nur Aishah Mohd Noor, Nur Fatihah Mohamed Yusoff, Noor Anisah Abdullah@Dolah
Jabatan Alam Bina & Teknologi, Kolej Alam Bina, UiTM Seri Iskandar, Kampus Seri Iskandar,
32610 Perak

sitinuraishahmn@uitm.edu.my

EDITOR: NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN

Dalam era pembangunan pesat dan urbanisasi, isu pengurusan sisa menjadi semakin mendesak. Saban tahun, beribu tan bahan buangan domestik dan industri dihasilkan, dengan sebahagiannya tidak diuruskan dengan cekap. Keadaan ini mendorong pelbagai pihak untuk mencari pendekatan baharu yang bukan sahaja dapat menangani masalah sisa pepejal, tetapi turut menawarkan nilai tambah dari aspek ekonomi dan sosial. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian ialah upcycling — satu bentuk kitar semula kreatif yang mengubah bahan buangan menjadi produk bernilai tinggi.

Upcycling Sebagai Instrumen Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar

Upcycling bukanlah sekadar aktiviti mencipta semula sesuatu daripada sisa. Ia merupakan gabungan antara inovasi, kreativiti dan tanggungjawab sosial. Di peringkat institusi pendidikan tinggi, program upcycling telah mula dijadikan salah satu pendekatan pedagogi untuk

memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan mahasiswa, sambil mengasah kemahiran penyelesaian masalah, kolaborasi dan keusahawanan. Program upcycling yang dijalankan dalam kampus bukan sahaja bersifat pendidikan tetapi juga bersifat praktikal dan aplikatif. Mahasiswa digalakkan untuk mengenal pasti bahan buangan yang berpotensi untuk diupcycle, memahami sifat fizik dan kimia bahan tersebut, serta merancang proses penghasilan produk baharu yang boleh digunakan semula atau dijual di pasaran.

**Upcycling —
satu bentuk
kitar semula
kreatif yang
mengubah
bahan buangan
menjadi produk
bernilai tinggi.**

Langkah-langkah Pelaksanaan Program Upcycling

Pelaksanaan program upcycling dalam kalangan mahasiswa melibatkan beberapa kaedah dan proses utama yang merangkumi aspek pengumpulan, perancangan, penghasilan, dan pempameran produk. Berikut adalah perincian fasa pelaksanaan yang menjadi asas kepada keberkesanan program ini:

1. Pengumpulan dan Pengasingan Bahan Buangan

Langkah pertama dalam proses upcycling ialah pengumpulan bahan buangan yang sesuai. Mahasiswa digalakkan untuk mencari bahan seperti botol plastik, kertas, aluminium, kayu terbuang, kain terpakai, dan bahan elektronik yang rosak. Aktiviti ini membuka mata mereka kepada potensi sumber yang sebelum ini dianggap sampah, sambil memupuk sikap prihatin terhadap persekitaran. Proses pengasingan ini turut menekankan aspek 3R — Reduce, Reuse, Recycle —

dengan menumpukan kepada bahan yang boleh digunakan semula tanpa memerlukan proses peleraian yang rumit.

2. Analisis Potensi dan 'Brainstorming' Inovasi

Setelah bahan dikumpulkan, kumpulan mahasiswa akan menjalankan sesi sumbang saran atau dikenali sebagai 'brainstorming' untuk mengenal pasti potensi kegunaan semula bahan tersebut. Di sinilah nilai inovasi dan reka bentuk kreatif digilap. Setiap bahan dinilai dari sudut ketahanan, fungsi, dan kemungkinan untuk digabungkan dengan bahan lain. Contohnya, botol plastik boleh dijadikan lampu hiasan atau pasu tanaman gantung, sementara palet kayu boleh ditukar menjadi perabot mini atau rak buku. Proses ini juga melibatkan kajian pasaran kecil untuk memastikan hasil upcycle mempunyai nilai ekonomi atau fungsi yang jelas.

3. Proses Penghasilan Produk

Proses penghasilan produk merupakan fasa paling kritikal dan menyeronokkan. Mahasiswa akan menggunakan pelbagai alat dan teknik asas pertukangan dan kraf untuk membentuk semula bahan buangan menjadi produk siap. Proses ini bukan sahaja memerlukan kemahiran teknikal, tetapi juga kesabaran dan ketelitian dalam mengendalikan bahan yang tidak konvensional. Dalam fasa ini, mereka belajar tentang

prinsip ergonomik, kemasan akhir, serta aspek keselamatan dalam mereka bentuk produk. Kemahiran ini sangat bernilai dalam dunia sebenar, khususnya dalam bidang industri kreatif dan rekaan lestari.

4. Pendokumentasian dan Penyampaian Nilai Produk

Satu aspek penting dalam program ini ialah dokumentasi visual dan penulisan. Mahasiswa digalakkan untuk merakam proses dari awal hingga akhir dalam bentuk foto atau video. Dokumentasi ini

bukan sahaja berguna sebagai portfolio peribadi, tetapi juga sebagai bahan promosi jika produk tersebut ingin dipasarkan.

Mereka juga diajar cara menyampaikan nilai produk secara efektif – dari segi manfaat kepada pengguna, kesan terhadap alam sekitar, serta potensi menjana pendapatan. Ini mengasah kemahiran komunikasi, pemasaran dan keusahawanan yang sangat diperlukan dalam pasaran kerja hari ini.



Gambar 1: Penghasilan Tong Sampah Dari Barangan Kitar Semula (Sumber: Koleksi Peribadi Penulis)



Gambar 2: Penghasilan Rak Kasut Dari Barangan Kitar Semula
(Sumber: Koleksi Peribadi Penulis)



Gambar 3: Penghasilan Meja Jepun Dari Dokumen Tender
Terpakai; Produk ini memenangi anugerah Naib Juara
Peringkat IPTA, Upcycling E-Idaman (Sumber: Koleksi Peribadi
Penulis)

Menjana Ekonomi Lestari Melalui Upcycling

Upcycling mempunyai potensi besar dalam merangsang ekonomi lestari. Terdapat pelbagai cara bagaimana program upcycling yang dilaksanakan dalam institusi pendidikan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi hijau:

1. Mewujudkan Peluang Perniagaan Mikro

Produk upcycled sering kali unik dan berjiwa seni. Ini membuka ruang kepada mahasiswa untuk menjadikannya sebagai sumber pendapatan melalui jualan dalam talian, pameran seni, atau pasar komuniti. Usaha ini secara langsung menyokong ekonomi mikro, khususnya dalam kalangan belia. Selain itu, platform digital seperti media sosial dan e-dagang membolehkan produk-produk ini dipasarkan secara lebih meluas, menjangkau pasaran luar kawasan atau negara.

2. Mengurangkan Kos dan Kebergantungan Terhadap Produk Komersial

Penggunaan semula bahan buangan membantu mengurangkan kos pengeluaran serta keperluan membeli produk baru yang sering kali mahal. Mahasiswa dapat menjimatkan perbelanjaan untuk kelengkapan peribadi seperti perabot, alat tulis atau dekorasi,

sambil menyumbang kepada pengurangan permintaan terhadap pengeluaran besar-besaran (mass production). Keadaan ini mendorong kepada pengurangan jejak karbon dan tekanan terhadap sumber asli, sekaligus menyokong model ekonomi sirkular (*circular economy*).

3. Melahirkan Usahawan Sosial Berorientasikan Alam Sekitar

Melalui pengalaman langsung dalam projek upcycling, mahasiswa tidak hanya menjadi pengguna, tetapi juga pencipta dan pemimpin dalam agenda perubahan. Ramai yang meneruskan usaha ini selepas tamat pengajian dengan menubuhkan syarikat kecil atau gerakan sosial yang memfokuskan kepada inovasi hijau. Mereka bukan sahaja menjana pendapatan, tetapi juga memberi impak sosial kepada komuniti melalui pendidikan, latihan dan aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

4. Menyokong Dasar Negara Berkaitan Pembangunan Mampan

Program seperti ini juga selari dengan aspirasi negara dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam aspek pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab (SDG 12). Ia turut menyokong dasar kerajaan dalam memacu ekonomi rendah karbon dan memperkukuh inovasi tempatan. Institusi pengajian

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN



Gambar 4: Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui SDG 12 (Sumber: United Nations Department of Economic and Social Affairs Development)

**Ia turut menyokong
dasar kerajaan dalam
memacu ekonomi
rendah karbon dan
memperkukuh inovasi
tempatan.**

tinggi memainkan peranan penting dalam membentuk ekosistem lestari melalui pendidikan, penyelidikan dan penglibatan komuniti – dan program upcycling adalah salah satu manifestasi usaha ini.

**Mencorak Masa Depan
Menerusi Inovasi dan
Kelestarian**

Program upcycling yang dilaksanakan di kampus seperti UiTM dan juga pihak berkepentingan seperti E-Idaman membuktikan bahawa mahasiswa mampu menjadi agen perubahan dalam membentuk masa depan yang

lebih hijau dan mampan. Dengan memanfaatkan kreativiti, teknologi dan semangat keusahawanan, bahan buangan boleh ditukar menjadi produk yang bernilai dan berfungsi.

Lebih daripada itu, program ini menyemai nilai murni dalam diri pelajar – rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar, kesedaran ekonomi, dan keupayaan untuk mencipta penyelesaian inovatif kepada cabaran semasa.

Dalam dunia yang kian mencabar ini, program seperti upcycling bukan sekadar satu aktiviti sampingan – ia adalah langkah penting ke arah menjulang inovasi dan memperkasa ekonomi lestari.

Rujukan



Joint Academic Microbiology Seminars (JAMS)

Anjuran: Joint Academic Microbiology Seminars (JAMS) dengan kerjasama
Malaysian Society for Microbiology

Tarikh: 20 Februari 2025

Tempat: Padi House @ IOI Conezion, Putrajaya

Peserta: Ahli akademik, penyelidik, pelajar pascasiswazah dan pengamal bidang mikrobiologi dari pelbagai institusi

Penglibatan warga PP Biologi: Dr. Nurul Hidayah Adenan (Penceramah)

Hasil/Impak: Perkongsian pandangan tentang penggunaan Actinobacteria bagi penyingkiran pewarna, potensi penyelesaian untuk rawatan air sisa industri, serta sumbangan kepada amalan alam sekitar yang lestari melalui pengurangan bahan pencemar toksik



Tadarus sempena Ramadhan

Anjuran: Unit Hal Ehwal Islam (HEI), UiTM CNS


Tarikh: 3 - 24 Mac 2025

Tempat: Pejabat staf dan bilik mesyuarat HEA

Peserta: Warga UiTM CNS

Penglibatan warga PP Biologi: Mohd Zaini Nawahwi, Dr Noor Azrimi Umor, Mohd Syahril Mohd Zan, Dr Muhammad Aidil Ibrahim, Dr Amirul Adli Abd Aziz, Dr Ilyanie Hj Yaacob, Sarah Shazwani Zakaria, Dr Nor'aishah Abu Shah, Dr Nurulhuda Ismail, Dr Siti Norazura Jamal, Dr Nadia Aqilla Shamsusah

Hasil/Impak: Memperbetulkan bacaan Al-Quran setiap peserta dan mengeratkan ukhuwah antara staf PP Biologi



Program Biocare: Cahaya Ramadan – Connecting Hearts and the People

**Anjuran: Persatuan BIOSMARTEAM dan Angkatan Belia MFLS (ABM)
Cawangan Negeri Sembilan & Melaka**
Pengarah: Muhammad Akmal Fitri bin Rozaidin
Tarikh: 14 Mac 2025
Tempat: Masjid Negeri, Negeri Sembilan

Peserta: 98 orang/ keluarga asnaf, serta komuniti setempat

Hasil/impak: Kerjasama melaksanakan program kesukarelawanan antara BIOSMARTEAM & ABM serta Jawtankuasa/ Organisasi Masjid Negeri, Negeri Sembilan. Program ini juga mendapat sokongan daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Kesemua peserta mendirikan solat Asar berjemaah dan diikuti dengan sesi Quran Hour. Seterusnya, sumbangan berupa barangan keperluan asas disampaikan kepada 98 orang/ keluarga asnaf. Majlis diteruskan dengan berbuka puasa (iftar) bersama keluarga asnaf dan komuniti sekeliling Masjid Negeri, Negeri Sembilan dan diakhiri dengan solat Maghrib, Isyak, serta Terawih berjemaah



Pameran STEM SMKA Haji Mohd Said, Seremban

Anjuran: SMKA Haji Mohd Said, Seremban

Tarikh: 23 April 2025

Tempat: SMKA Haji Mohd Said, Seremban

Peserta: Pelajar sekolah

Penglibatan warga PP Biologi: Dr. Nor'aishah Abu Shah, Dr Nur Azimah Osman, Dr. Nurul Asyikin Abdul Rahman, Dr. Rashidah (Pempamer)

Hasil/Impak: Para pelajar dibawa meneroka organisma laut dan darat melalui model terawet yang dipamerkan seperti serangga, artropoda, annelida, fungi, alga serta tumbuhan berbunga. Mereka mengenali dan memahami pengkelasan organisma melalui pemerhatian morfologi dan penerangan fasilitator. Selain itu, turut dipamerkan model anatomi organ manusia dan tengkorak haiwan bagi membandingkan karnivor serta herbivor. Pelajar juga dibimbing menggunakan mikroskop dengan betul untuk memerhati slaid spesimen, seterusnya melihat struktur sel otot haiwan dan sel tumbuhan



U2SKILL Siri 3- Projek Penanaman Cendawan Volvariella KRT Taman Lelayang, Ladang Geddes

Anjuran: Unit Pengembangan Teknologi Cendawan

Pengarah: Dr. Noor Azrimi Umor

Tarikh: 2 Mei - 8 Ogos 2025

Tempat: Sekitar kawasan KRT Taman Lelayang, Ladang Geddes, Jempol

Peserta: 14 orang dari KRT Lelayang dan 14 orang fasilitator UiTM

Hasil/Impak: Mengajar secara teori dan praktikal teknik penanaman Volvariella kaedah Inovasi berdasarkan penyelidikan UiTM. Teknik baru berjaya meningkatkan hasil cendawan dengan lebih baik (hampir 3 x ganda) dan konsisten. Pihak KRT bersetuju melanjutkan kerjasama dengan UPTC UiTM untuk projek akan datang



THE CEREBRUN 2025

Anjuran: Persatuan BIOSMARTEAM
Pengarah: Arrief Anakin Bin Mohd Ridzuan
Tarikh: 3 Mei 2025
Tempat: UiTM CNS, Kampus Kuala pilah

Peserta: 116 orang

Hasil/Impak: Memupuk gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga kampus



Raya Raya Raya PPBio 25

Anjuran: PPBIO

Pengarah: Dr. Muhammad Aidil Ibrahim

Tarikh: 9 Mei 2025

Tempat: Laman Kito, Kito Event Space, Senawang, Negeri Sembilan

Penglibatan warga PP Biologi: Kesemua staf aktif dan bercuti belajar PP Biologi

Hasil/Impak: Majlis Hari Raya Pusat Pengajian Biologi UiTM Cawangan Negeri Sembilan bertema “Raya Terlajak Apo-apo yang Hado” memberi impak positif kepada warga pusat pengajian. Sambutan ini bukan sahaja meraikan Syawal, malah mengeratkan silaturahmi serta semangat kebersamaan. Pertemuan santai memberi peluang staf saling mengenali, meningkatkan kekitaan dan kerjasama dalam tugas harian. Majlis juga mencetus suasana harmoni, mengurangkan tekanan kerja, serta memberi ruang berehat sambil menikmati juadah tradisi. Dari aspek organisasi, program sebegini memperkukuh imej pusat pengajian sebagai komuniti prihatin, selain meningkatkan motivasi staf ke arah kecemerlangan akademik dan pentadbiran. Majlis turut diserikan dengan perpisahan mantan Koordinator, Dr. Lili Syahani Rusli, yang berpindah ke UiTM Shah Alam



Biochem Quest: Crack the Code!

Anjuran: Persatuan BIOSMARTEAM

Pengarah: Nur Ainin Sofiya Binti Ismail

Tarikh: 24 Mei 2025

Tempat: Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol

Peserta: 16 ahli Persatuan Ijazah Sarjana Muda Biologi (BIOSMARTEAM), 15 ahli Kelab Kimia & 100 pelajar Tingkatan 5 Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol

Hasil/Impak: Program ini bertujuan untuk melaksanakan sebuah kem eksplorasi di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol bersama pelajar menengah atas yang mempelajari subjek Biologi dan Kimia sekaligus mendidik para pelajar serta ahli jawatankuasa program dalam mengasah pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Program ini juga dapat menarik minat dan perhatian pelajar terhadap dua matapelajaran sains di peringkat universiti terutamanya Biologi dan Kimia. Program ini dapat menerapkan semangat bekerjasama antara pasukan dan mengeratkan hubungan sesama pelajar mahupun ahli fasilitator. Program ini boleh memberikan pendedahan tentang ilmu sains Biologi dan Kimia serta memperkenalkan dua kod program tersebut yang ditawarkan di UiTM Kuala Pilah



Bengkel Sains - Menjana Minda Sains 2025

Anjuran: SIG ECONATREA dengan kerjasama Jabatan Sains Komputer dan Matematik dan Unit Makmal, UiTM CNS

Pengarah: Dr. Nur Hasyimah Ramli

Tarikh: 29 Mei 2025

Tempat: Dewan Kuliah (DK200)

Peserta: 19 orang fasilitator, 7 orang guru SMAH MU dan 43 orang pelajar SMAH MU

Hasil/Impak: Menjalinkan hubungan dua hala antara Pelajar Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi UiTM CNS, Kampus Kuala Pilah dan Universitas Andalas, Indonesia.



Industrial Visit, Workshop & Public Lecture: Research Social Innovation in Malaysia

Anjuran: Universitas Hasanudin Makassar, Indonesia


Tarikh: 10-14 Jun 2025

Tempat: Universitas Hasanudin Makassar, Indonesia

Peserta: 60 orang peserta UNHAS dan Universitas Sekitar Makasar- Pensyarah dan Mahasiswa

Penglibatan warga PP Biologi: Dr. Noor Azrimi Umor (Penceramah)

Hasil/Impak: Peserta diperkenalkan berkaitan UiTM dan aktiviti berkaitan penyelidikan dan inovasi sosial. Bengkel penulisan bab dalam buku dan buku penyelidikan juga dibuat dan diajar kepada semua peserta. Jalinan kerjasama UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan UNHAS dibina melalui penghantaran seorang pelajar latihan industri UiTM di UNHAS (semester Mac 2025) dan timbal balik 2 orang pelajar UNHAS akan menjalani latihan industri di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (semester Okt 2025)



A day with special kids at Hayyan Huda Play Project

Anjuran: Persatuan MiSA bersama MPP

Pengarah: Nur Daphne Alya

Tarikh: 12 Jun 2025

Tempat: Hayyan Huda Play Project Sdn Bhd, Seremban, Negeri Sembilan

Peserta: 38 AJK, 2 pensyarah pengiring dan 7 kanak-kanak berkeperluan khas

Hasil/Impak: Melalui program ini, pelajar dapat mewujudkan persekitaran yang selamat dan mesra agar kanak-kanak berkeperluan khas ini berpeluang belajar serta berinteraksi dengan rakan sebaya mereka. Selain itu, program ini juga membantu kanak-kanak berkeperluan khas ini mengembangkan kemahiran sosial dan komunikasi. Pada masa yang sama, kami ingin memberi sokongan kepada ibu bapa dan keluarga dengan menyediakan ruang untuk mereka berkongsi pengalaman serta mendapatkan nasihat. Penglibatan pelajar dalam program ini dapat meningkatkan kefahaman dan penerimaan terhadap keperluan kanak-kanak berkeperluan khas, di samping menyediakan aktiviti yang menyeronokkan untuk menyokong perkembangan mereka



Joint Academic Microbiology Seminars (JAMS)

Anjuran: Joint Academic Microbiology Seminars (JAMS) dengan kerjasama Malaysian Society for Microbiology

Tarikh: 19 Jun 2025

Tempat: Padi House @ IOI Conezion, Putrajaya

Peserta: Ahli akademik, penyelidik, pelajar pascasiswazah dan pengamal bidang mikrobiologi dari pelbagai institusi

Penglibatan warga PP Biologi: Dr. Nurhamimah Zainal Abidin (Penceramah)

Hasil/Impak: Perkongsian pandangan mengenai prevalens dan pencirian *Bacillus cereus* dalam pelbagai makanan yang dibeli dari pasar tempatan di Negeri Sembilan



Majlis Anugerah Dekan AS201/211

Anjuran : Persatuan BIOSMARTEAM

Pengarah : Shahidah Aida Binti Azlan

Tarikh : 20 Jun 2025

Tempat : Dewan Mini Anjung Sri Perpatih, UiTM Kuala Pilah

Peserta : Penerima anugerah dekan semester Oktober 2024 - Februari 2025

Hasil/Impak: Majlis Anugerah dekan ini memberi pengiktirafan rasmi terhadap usaha, disiplin, dan pencapaian akademik. Majlis seumpama ini dapat meningkatkan motivasi dan semangat belajar dalam kalangan pelajar dan memperkukuhkan budaya kecemerlangan akademik



Karnival Kayuhan Mahasiswa Sihat

Anjuran: Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM CNS

Tarikh: 22 Jun 2025

Tempat: Dewan Komuniti Rantau

Peserta: 30 orang komuniti daerah Rantau

Penglibatan warga PP Biologi: Dr Noor Azrimi Umor (Penceramah)

Hasil/Impak: Peserta diajar teknik penghasilan bongkah cendawan tiram dan penjagaan bongkah sehingga mengeluarkan hasil. Peserta dibekalkan dengan bongkah matang untuk dijaga. Menimbulkan minat dan galakan kepada peserta menceburkan diri didalam industri pertanian



Majlis anugerah dekan AS114

Anjuran: Persatuan MiSA

Pengarah: Muhammad Irfan Fahmi

Tarikh: 23 Jun 2025

Tempat: Dewan Mini Anjung Sri Perpatih, UiTM Kuala Pilah

Penglibatan warga PP Biologi: 45 AJK, 3 penasihat program, 294 peserta anugerah dekan

Hasil/Impak: Melalui program ini, pengiktirafan rasmi diberikan kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang pada sesi lalu. Pengiktirafan ini menjadi pemangkin dan motivasi berterusan untuk mengekalkan prestasi cemerlang di masa hadapan. Selain itu, program ini juga telah berjaya memupuk semangat berdaya saing yang sihat dalam kalangan mahasiswa. Persaingan positif ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan prestasi keseluruhan dalam program Diploma Mikrobiologi. Kejayaan penerima anugerah dekan juga menjadi inspirasi kepada rakan-rakan pelajar yang lain



Tech Trek: HETVET Industrial Edition for MIC344 and MIC346 (2025)

Anjuran: PP Biologi
Pengarah Mohd Zaini Nawahwi

Tarikh: 24 Jun 2025

Tempat: Malaysian Agricultural Research and Development Institute
(MARDI)

Peserta: 3 orang pensyarah PP Biologi, 2 orang staf sokongan, seorang pelajar Latihan Industri dan 29 orang pelajar AS114 bagi kod Mikrobiologi Gunaan (Industri) (MIC344) dan kod Mikrobiologi Tumbuhan dan Agrikultur (MIC346)

Hasil/Impak: Meningkatkan jaringan kerjasama akademik dan penyelidikan di antara UiTM & pihak industri, serta meningkatkan kemahiran staf dan kebolehpasaran para pelajar dengan pihak industri



Postgraduate and Career Journey INBIOSIS UKM

**Anjuran Persatuan Siswazah INBIOSIS, Institut Biologi Sistem (INBIOSIS),
Universiti Kebangsaan Malaysia**
Tarikh: 23 Julai 2025
Tempat: MS Teams (Atas Talian)

Peserta: Pelajar pascasiswazah INBIOSIS UKM, Warga akademik dan penyelidik jemputan

Penglibatan warga PP Biologi: Dr Darvien Gunasekaran (Penceramah)

Hasil/Impak: Memberi pendedahan kepada pelajar tentang perjalanan kerjaya pascasiswazah dalam bidang biologi sistem, meningkatkan motivasi dan kesedaran mengenai peluang kerjaya dalam penyelidikan dan industri bioteknologi serta mengukuhkan jaringan profesional antara pelajar, penyelidik, dan alumni



Sharing Session
with Alumni



Dr. Darvien
Senior Lecturer (Biology),
UiTM Negeri Sembilan



Dr. Arief Izzairy
Head of Division, Human
Development Division,
Leave a Nest



Dr. Hazwan Fikri
Postdoc Scientist,
Cancer Research Malaysia

Postgraduate and Career Journey
Alumni insights: Postgraduate life to current profession

23 July 2025 | 10 am - 12 pm
Online, MS Teams
<https://tinyurl.com/4jyw2z3d>

SCAN ME! 








Pameran STEM sempena Hari Terbuka PPD Jempol & Jelevu (Karnival StemRia Madani NS2025)

Anjuran: PPD Jempol & Jelevu, Bandar Seri Jempol

Tarikh: 20 Ogos 2025

Tempat: PPD Jempol & Jelevu, Bandar Seri Jempol

Peserta: Pelajar sekolah

Penglibatan warga PP Biologi: Pn. Iwana Izni Zainudin, Dr. Nur Hasyimah Ramli, Dr. Nurul Asyikin Abdul Rahman, Dr. Nurulhuda Ismail (Pempamer)

Hasil/Impak: Program ini secara keseluruhan telah memberi impak positif bukan sahaja kepada pelajar, malah kepada para pendidik dalam meneroka pendekatan pengajaran Biologi yang lebih kreatif dan berkesan dalam melahirkan generasi muda yang celik teknologi, inovatif dan bersedia menghadapi cabaran masa depan



PENGIKTIRAFAN & PENGHARGAAN

ANUGERAH

Anugerah Emas – International E-Content Development Competition 2025 (eCONDEV 2025)

Amirul Adli Abd Aziz, Muhammad Aidil Ibrahim, Nurhamimah Zainal Abidin, Nurliyana Mohamad, Mohd Syahril Mohd Zan, Mu'adz Ahmad Mazian, Iwana Izni Zainudin, Darvien Gunasekaran

MOOC Terbaik Bidang Sains dan Teknologi – International E-Content Development Competition 2025 (eCONDEV 2025)

Amirul Adli Abd Aziz, Muhammad Aidil Ibrahim, Nurhamimah Zainal Abidin, Nurliyana Mohamad, Mohd Syahril Mohd Zan, Mu'adz Ahmad Mazian, Iwana Izni Zainudin, Darvien Gunasekaran

Anugerah Emas – The Fourth International Competition On Sustainable Education 2025 (SUSED 2025)

Dr. Nurhamimah Zainal Abidin, Suwaibah Mohamed, Dr. Ammar Akram Kamarudin, Dr. Nadia Aqilla Shamsusah, Norul Fadhilah Ismail

Anugerah Perak – International Innovation And Design Expo (iIDEX 2025)

Dr. Siti Norazura Jamal, Dr. Nurul Asyikin Abdul Rahman, Dr. Rashidah Iberahim, Dr. Nurul Hidayah Adenan, Pn. Iwana Izni Zainudin

PENGIKTIRAFAN & PENGHARGAAN

LANTIKAN

Dr. Nur Azimah Osman
Koordinator Program Biologi

Dr. Rashidah Iberahim
Penyelaras Unit Kepimpinan Pelajar

Dr. Siti Norazura Jamal
Penyelaras Program AS114

Dr. Nurul Asyikin Abdul Rahman
Penyelaras Program AS201/AS211

PENERBITAN JURNAL BERINDEKS WOS/SCOPUS DENGAN KOLABORASI KERAJAAN

PM Dr. Nor'aishah Hasan, Dr Amirul Adli Abd Aziz (Penulis Bersama) dan Nurhamimah Zainal Abidin (Penulis Koresponden)

Ghani, N. S. A., Hasan, N., Aziz, A. A. A., Abu-Hasan, A., & Zainal-Abidin, N. (2024). Understanding rice blast infection from the transcriptomics approaches: A review. *Malaysian Journal of Biochemistry, Microbiology and Biotechnology (MJBMB)*, 1, 78–88.

PM Dr. Nor'aishah Hasan (Penulis Koresponden)

Roslizan, N. A. A., Kamaruddin, A. A., Azizi, M. M. F., Ahmad, F., & Hasan, N. (2025). Molecular profiling of blast resistance genes in local Malaysian rice (*Oryza sativa* L.). *Journal of Experimental Biology and Agricultural Sciences*, 13(2), 284–298.

PM Dr. Nor'aishah Hasan (Penulis Bersama)

Akmal Shukri, A. I., Abdullah, S. ., Abdullah, N. S., Hussein, S. ., Abdul Aziz, N., Ab Razak, M. S. F., Ahmad, F., & Hasan, N. 'Aishah. (2025). Global and Malaysian aromatic rice: a comparative review on the quality, production, and breeding spectra. *Malaysian Applied Biology*, 54(2), 1–18.

PENGIKTIRAFAN & PENGHARGAAN

PENERBITAN JURNAL BERINDEKS WOS

Dr Nurul Asyikin Abdul Rahman (Penulis Pertama)

Rahman, N. A. A., Muthanna, A., Desa, M. N. M., Dzaraly, N. D., Hazman, H., Sulaiman, N., ... & Masri, S. N. (2025). Comparative genotyping of Malaysian clinical isolates of *Streptococcus pneumoniae* by multilocus sequence typing and multilocus variable-number tandem repeat analysis. *The Malaysian Journal of Medical Sciences: MJMS*, 32(1), 69.

Dr. Nadia Aqilla Shamsusah (Penulis Bersama)

Zaini, N. E., Idris, I. B., Ahmad, N., Hashim, S. M., Abdullah, N. N., & Shamsusah, N. A. (2025). Enhancing self-care management among women with type 2 diabetes mellitus. *Scientific Reports*, 15(1), 13093.

Dr Ammar Akram Kamarudin (Penulis Pertama)

Kamarudin, A., & Abu, N. (2025). Revisiting galectin-1, -3, -4, and -9 as biotargets for colorectal cancer. *Biochemistry and Cell Biology*, 103, 1–10.

PENERBITAN JURNAL BERINDEKS SCOPUS

Dr Ilyanie Hj Yaacob (Penulis Bersama)

Hajar, Nadya & Abdul Malek, Nur Syazwani & Rosman, Nurfarhana & Hj Yaacob, Ilyanie & Razali, Nur & Saidi, Noor Baity & Tan, Eddie Ti Tjih & Asli, Noor. (2025). Antibacterial and antifungal properties of cassava starch, xanthan gum and zinc oxide nanoparticles coating solution for banana (*Musa acuminata*) preservation. *BIO Web of Conferences*. 165. 10.1051/bioconf/202516501002.

Dr. Nur Hasyimah Ramli, Dr. Mu'adz Ahmad Mazian (Penulis Bersama)

Ab Rani, N. A., Adenan, N. H., Ramli, N. H., Mazian, M. A., & Sheikh Mohd Ghazali, S. A. I. (2025). Discovering decolourization potential of Remazol Brilliant Blue R (RBBR) dye by fungal monoculture and consortium (*Penicillium* sp. and *Aspergillus* sp.). *Malaysian Journal of Chemistry*, 27(3).

PENGIKTIRAFAN & PENGHARGAAN

PENERBITAN JURNAL ERA

Dr Aslizah Mohd Aris (Penulis Pertama & Penulis Koresponden)

Mohd-Aris, A., Roslim, N., Mohd-Aris, A., & Pazla, R. (2025). Analysis of research evolution and dissemination on subject areas and global research collaboration on distance and online learning in STEM education based on bibliometrics. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 14(2), 695–709.